

AYAT PASIF: SUSUNAN BIASA ATAU SUSUNAN SONGSANG?

Soalan:

Adakah ayat pasif termasuk dalam kategori ayat songsang?

Daripada:

Abdullah Shukri, Bahau.

Jawapan:

Ayat pasif bukanlah ayat songsang bagi ayat aktif mengikut panel penulis *Tatabahasa Dewan*. Ayat songsang ialah ayat yang mendahului predikat. Ayat susunan biasa pula ialah ayat yang mendahului subjek.



Ayat contoh:

1. Samad membaca buku itu.
Ayat di atas ini ialah ayat aktif susunan biasa yang mendahului subjek, iaitu:
Subjek: Samad
Predikat: membaca buku itu.
Ayat tersebut dalam susunan songsang ialah:
1b. Membaca buku itu Samad.

Lihat ayat 2 di bawah ini pula.

2. Buku itu dibaca oleh Samad.
Ayat di atas ialah ayat pasif susunan biasa yang mendahului subjek, iaitu:
Subjek: Buku itu
Predikat: dibaca oleh Samad.
Apabila disongsangkan, ayat yang terbentuk ialah:
2b. Dibaca oleh Samad buku itu.
Sebagai kesimpulannya, ayat pasif bukanlah ayat songsang bagi ayat aktif. Dalam bahasa Melayu, sama ada ragam pasif ataupun ragam aktif, ayat terdiri daripada ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.

FRASA ADJEKTIF: AMAT-AMAT KECEWA ATAU AMAT KECEWA

Soalan:

Bolehkah kata penguat bebas digandakan? Saya amat-amat kecewa akan tindakannya terhadap anak saya.


Daripada:

Harun Ahmad, Petaling Jaya.

Jawapan:

Ayat tersebut mengandungi unsur kelewahan bahasa. Kata penguat amat tidak perlu digandakan. Ayat yang betul ialah;

Saya amat kecewa akan tindakannya terhadap anak saya.



PENSIJILAN ATAU PERSIJILAN?

Soalan:

Perkataan yang manakah yang betul antara perkataan pensijilan dengan persijilan?

Daripada:

Jamilah Jaafar,
Durian Daun, Masjid Tanah.

Jawapan:


Persijilan ialah hal tentang sijil.

Ayat contoh:

1. Unit persijilan itu akan mengenakan denda sebanyak RM10.00 kepada sesiapa yang memerlukan sijil yang baharu bagi menggantikan sijil yang hilang atau rosak.
Pensijilan pula ialah proses memberikan sijil.

Ayat contoh:

2. Sebagai wakil jualan yang sah, pensijilan terhadap semua wakil jualan akan meningkatkan kepercayaan pengguna kepada syarikat kami.
Sebagai kesimpulannya, apitan kata nama *per-...-an* dengan *peN-...-an* mempunyai perbezaan yang ketara. Oleh itu, pengguna bahasa hendaklah merujuk buku *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga untuk menguasai kedua-dua apitan ini.



FRASA NAMA: PARA PELAJAR ATAU PARA PELAJAR SEKALIAN?

Soalan:

Frasa yang manakah yang tepat antara para pelajar dengan para pelajar sekalian?

Daripada:

Kristle Lina Thompson,
Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Jawapan:

Kedua-dua frasa nama tersebut betul. Perkataan sekalian dalam konteks frasa para pelajar sekalian berfungsi sebagai penegas. Oleh hal yang demikian, tiada kelewahan bahasa dalam frasa tersebut.



KATA KERJA: MENUTUP ATAU MEMATIKAN?

Soalan:

Adakah ayat di bawah ini gramatis?

1. Dia menutup televisyen sebelum tidur.

Daripada:

Norbaizura,
SMK Cheras Perdana, Cheras.

Jawapan:

Maksud menutup dalam konteks ayat tersebut ialah mematikan suis.

Ayat contoh:

1. Dia mematikan suis televisyen sebelum tidur.

Lihat ayat contoh yang lain:

2. Dia menutup lampu sebelum tidur.
- 2a. Dia mematikan suis lampu sebelum tidur.

Sebagai kesimpulannya, pengguna bahasa perlulah menyedari bahawa perkataan menutup ialah kata yang banyak makna dan mempunyai makna yang pelbagai. Oleh itu, pengguna bahasa hendaklah merujuk *Kamus Dewan* Edisi Keempat untuk mengetahui makna perkataan menutup.

PENANDA WACANA: AKHIR SEKALI ATAU AKHIRNYA?

Soalan:

Apakah perbezaan antara penanda wacana akhir sekali dengan akhirnya?

Daripada:

Rozana, Labuan.

Jawapan:

Frasa akhir sekali berasal daripada frasa perkara atau maklumat atau isi yang akhir sekali. Selepas berlaku pengguguran atau proses transformasi, frasa akhir sekali terbentuk. Frasa akhir sekali ini sesuai digunakan dalam ringkasan atau rumusan yang mempunyai isi yang berturutan mengikut bilangan tingkat, seperti isi pertama, isi kedua, isi ketiga, dan seterusnya isi yang akhir sekali.

Penanda wacana akhirnya pula tidak sesuai digunakan dalam ringkasan atau rumusan kerana penanda wacana ini tidak membawa maksud isi atau perkara yang terakhir. Penanda wacana akhirnya sesuai digunakan dalam cerita atau cerpen yang bermaksud kesudahannya.

Contoh:

Akhirnya, dia menyesali segala perbuatannya yang tidak mendengar nasihat ibu bapanya kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

Sebagai kesimpulannya, penanda wacana akhir sekali mempunyai fungsi yang berbeza daripada akhirnya. Oleh itu, gunakanlah kedua-dua penanda wacana tersebut mengikut konteks yang betul.

Perbezaan antara penanda wacana akhir sekali dengan akhirnya

